

Perangi pengganas tugas PBB

UM 2 2 OCT 2001

Daripada ZAHARUDDIN MOHD ALI

SHANGHAI 21 Okt. — Malaysia mahu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama dalam memerangi pengganas antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana jika peranan itu dimainkan oleh sesebuah negara yang paling berpengaruh sekalipun, akan terdapat juga pihak yang tidak menyetujuinya.

“Kita berasa lebih selesa jika PBB yang menjadi pihak yang membuat gesaan untuk bertindak memerangi pengganas dan percaya lebih ramai akan bersedia untuk mengambil bahagian,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengakhiri mesyuarat pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini malam ini.

Sebagai contoh, semua negara bersedia menjalankan siasatan di negara masing-masing berhubung akaun yang didakwa dimiliki oleh rangkaian kumpulan pengganas antarabangsa, ujarnya.

Kata beliau, kesediaan ini kerana arahan untuk berbuat demikian dibuat oleh PBB dan bukannya oleh negara tertentu.

Mengenai Afghanistan, Perdana Menteri berkata, beliau khuatir kempen ketenteraan Amerika di negara itu akan mengakibatkan penduduk awam termasuk wanita dan kanak-kanak terbunuh.

- **Pemimpin APEC kutuk serangan terhadap AS — Muka 2**
- **Antraks: Media massa perlu berlaku adil — Muka 4**

“Bagaimanapun laporan terbaru menyebut tentera AS telah mula menggunakan pasukan daratnya yang saya percaya mempunyai peluang lebih baik dalam matlamat memburu pengganas.

“Kita menentang penggunaan bom pintar kerana ia sebenarnya tidak begitu pintar. Sebelum ini, kedutaan Republik Rakyat China telah dibedil dengan bom jenis yang sama di Yugoslavia,” tambahnya.

Ditanya sama ada Presiden AS, George W. Bush ada memberikan gambaran kepadanya bila serangan di Afghanistan akan dihentikan semasa mereka mengadakan pertemuan dua hala semalam, Dr. Mahathir berkata:

“Bush memberikan gambaran serangan tidak akan dihentikan selagi objektif serangan itu belum terlaksana. Ini bermakna serangan itu akan berlarutan untuk satu jangka masa yang lama.”

Menurut Perdana Menteri, adalah penting untuk menyedari bahawa pengganas bukan berada di Afghanistan tetapi di seluruh dunia.

Lebih dikhuatiri, katanya, ialah apabila serangan berlarutan sehingga bulan Ramadan dan ini akan mengakibatkan rasa marah di kalangan umat Islam di seluruh dunia.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, dalam beberapa pertemuan dua hala yang diadakannya, beliau ada membangkitkan soal pentingnya mengadakan persidangan mengenai keganasan dan mengenal pasti definisi pengganas.

■ **Lihat muka 4**

Perangi pengganas tugas PBB

Bagaimanapun, katanya, tiada kata sepakat dicapai dalam perkara itu.

“Saya berasa persidangan seumpama ini penting kerana sebelum ini ramai yang ditakrifkan sebagai pengganas tetapi kemudiannya menjadi orang yang dihormati, umpamanya Jomo Kenyatta dan Robert Mugabe.

“Mereka sebelum ini ditakrifkan sebagai pengganas tetapi kemudian menjadi tokoh yang dihormati di negara masing-masing dan bercakap mengenai politik dan ekonomi,” tegasnya.

Oleh itu, jika persidangan mengenai keganasan diadakan, ia akan mampu mendapatkan definisi pengganas kerana mereka yang ditakrifkan sebagai pengganas mungkin juga adalah pejuang kebebasan.

Mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia sebagai negara Islam berfahaman sederhana dalam menangani masalah keganasan di Asia Barat, Dr. Mahathir berkata, PBB seharusnya menempatkan pasukan pemerhati di kawasan itu.

Katanya, langkah itu penting bagi memisahkan pihak yang bersengketa tetapi ia menjadi sukar untuk dilaksanakan kerana usaha tersebut mendapat tentangan banyak pihak.

Ditanya sama ada tindakan penduduk Palestin menembak warga Israel boleh disifatkan sebagai perbuatan pengganas, Dr. Mahathir berkata, ia tidak boleh disifatkan sedemikian kerana mereka juga ditembak oleh tentera Israel.

“Apa yang berlaku membabitkan kedua-dua pihak dan itulah sebabnya kita mahu pasukan pemerhati PBB ditempatkan di sana,” tegasnya. — *Utusan*